

Memantapkan Budaya Keusahawanan Di Kalangan Generasi Baru Melalui Sistem Pendidikan Nasional Dan Pengajian Agama: Gagasan dan Cabaran Merealisasikannya*

DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

*(Dibentangkan oleh Y.Bhg. Prof. Datuk Mohd Yusof Kasim,
Timbalan Ketua Pengarah Jab. Pengajian Tinggi Malaysia)*

Abstrak

Kertas Kerja ini menghujahkan bahawa membangunkan budaya keusahawanan di kalangan generasi baru umat Islam di Malaysia adalah merupakan suatu langkah dan prasyarat yang sangat penting bagi membina kekuatan ummah di dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Bagi membolehkan ini di laksanakan, maka sistem pendidikan nasional dan keagamaan mestilah dimanfaatkan sepenuhnya. Untuk itu kita harus memiliki suatu gagasan dan halatuju yang jelas apa yang ingin capai dan apakah sasaran sebenar kita? Dalam masa yang sama, kita juga harus sedar dan peka dengan cabaran-cabaran yang terpaksa di hadapi dalam merealisasikan hasrat ini. Cabaran dan halangan yang perlu ditempuhi itu bukan sahaja pelbagai malahan kadangkala begitu kompleks sekali. Seringkali ianya begitu sukar dan berliku-liku serta sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa. Untuk menghadapinya secara tuntas, maka kita mesti berupaya melengkapkan diri dengan semua kemahiran dan ketrampilan yang diperlukan. Kesemua ini menuntut kepada penguasaan bukan sahaja ilmu teknikal tetapi juga dalam bidang keusahawanan dan perniagaan di kalangan generasi baru kita. Hanya apabila generasi baru kita berjaya menyerap semua ilmu mengenai keusahawanan dan perniagaan yang diperlukan itu secara berkesan baharulah kita dapat membangun dan memantapkan budaya keusahawanan di dalam masyarakat Islam di negara ini untuk memacu kejayaan ummah dalam perniagaan dan penguasaan ekonomi. Di sinilah terletaknya peranan sistem pendidikan dalam sesebuah negara. Sistem pendidikan nasional dan juga pendidikan keagamaan mesti berupaya menampung keperluan ini. Modal insan yang dibangunkan oleh sesebuah sistem pendidikan seharusnya berupaya menanam, memaju dan memperteguhkan nilai-nilai keusahawanan dan perniagaan di kalangan generasi baru umat Islam jika sekiranya kita ingin membangun dan memantapkan budaya keusahawanan di dalam masyarakat kita.

1. Pendahuluan

Walau pun terdapat beberapa buah negara Islam yang tergolong sebagai negara-negara yang kaya kerana kekayaan hasil minyak mereka, majoriti umat Islam di dunia secara relatifnya masih miskin. Kita menjadi miskin dan lemah kerana kita tidak

* Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Ekonomi Islam Ketiga (KEI-3), 12-15 Januari 2009/15-18 Muharam 1430H, Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur.

menguasai ekonomi dunia walaupun terdapat ramai yang kaya di kalangan kita. Ini jelas apabila sehingga kini belum terdapat mana-mana satu pun negara Islam yang boleh termasuk di dalam kategori negara maju yang dapat pula diundang segera jika diingini, untuk menyertai kumpulan negara-negara maju di dalam G7. Walau bagaimana pun, Daripada 57 buah negara di dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Malaysia mungkin menjadi negara yang paling berpotensi untuk muncul sebagai negara maju yang terawal di kalangan negara-negara OIC. Itu pun jika kita berjaya merealisasikan matlamat Wawasan 2020 kira-kira satu dekad daripada sekarang. Kita percaya kita dapat melakukannya, tetapi ini menuntut kita bekerja keras dan bijaksana dalam mencapai hasrat murni tersebut.

Di dalam ajaran agama Islam kita diberitahu bahawa 9/10 daripada rezeki datangnya daripada bidang perniagaan. Malah, di dalam kitab suci Al – Quran juga terdapat 370 ayat yang menyentuh secara langsung tentang keusahawanan dan perniagaan sebagai satu aspek pencarian rezeki yang halal dan mulia. Bererti, jika umat Islam ingin mencari kekayaan, maju dan menguasai bidang ekonomi, maka perniagaan adalah bidang yang sepatutnya mereka ceburi kerana di situlah terletaknya sebahagian besar pintu rezeki, kekayaan dan juga kuasa dalam bidang ekonomi. Kaitan perniagaan dengan ekonomi tidak sukar dimengertikan. Menguasai perniagaan bererti menguasai juga ekonomi. Jelaslah betapa maksud 9/10 daripada rezeki berada dalam bidang perniagaan mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan penguasaan dalam bidang ekonomi yang merupakan satu aspek yang sangat penting pada hari ini untuk membela dan mengangkat martabat ummah supaya tidak lagi dipersendakan oleh orang lain.

Untuk berjaya di dalam bidang perniagaan, individu Islam mesti mempunyai semua ciri-ciri penting seorang usahawan yang berjaya. Antara lain, ciri-ciri tersebut termasuklah inisiatif, mencari dan memanfaatkan peluang, ketekunan, motivasi, menambah ilmu pengetahuan, keperihatinan dan disiplin terhadap kualiti kerja, iltizam terhadap tanggungjawab yang diamanahkan dan banyak lagi ciri-ciri yang lain. Namun, jika kita ingin melihat umat Islam lahir sebagai sebuah komuniti usahawan yang berjaya di dalam bidang perniagaan, maka tindakan yang perlu di lakukan ialah menyerapkan semua ciri-ciri penting keusahawanan tersebut di kalangan kelompok masyarakat Islam sehingga ia menjadi suatu budaya yang subur dalam kehidupan mereka. Inilah yang telah berjaya dilakukan oleh masyarakat etnik China di Malaysia dengan begitu efektif dan berkesan sehingga mereka berjaya dan menguasai bidang perniagaan. Budaya keusahawanan dan budaya perniagaan telah bersebati di dalam kehidupan keluarga dan talian perhubungan masyarakat mereka sehingga tidak ramai daripada generasi baru mereka yang berminat untuk menceburi bidang selain daripada perniagaan.

Justeru itu, jika kita ingin melihat hal yang sama berlaku di dalam masyarakat Islam, kita seharusnya membangunkan dan memajukan 'budaya keusahawanan' di kalangan generasi baru Islam. Selagi kita belum benar-benar berjaya membangunkan budaya keusahawanan di kalangan umat Islam, maka selagi itulah kita sukar untuk berjaya membangunkan usahawan dan ahli-ahli perniagaan sejati di kalangan umat Islam. Nyatalah bahawa membangun dan memantapkan nilai-nilai teras yang menjadi asas penting kepada kelahiran dan penyuburan budaya keusahawanan di kalangan umat Islam, khususnya generasi barunya adalah merupakan prasyarat penting untuk umat Islam

berjaya di dalam bidang perniagaan dan ekonomi seperti mana yang diajarkan Islam kepada umatnya bahawa 9/10 daripada rezeki berada dalam bidang perniagaan.

Sebenarnya, umat Islam terdahulu dan bangsa-bangsa lain sebelum ini sehinggalah pada masa kini semuanya berjaya dalam bidang keusahawanan dan perniagaan hanya setelah mereka berjaya membudayakan nilai-nilai keusahawanan di dalam kelompok mereka berasaskan nilai-nilai tertentu yang dikembangkan di dalam masyarakat. Di dalam tamadun Barat, bermula dengan pelayaran kapal 'Mayflower' 1492 yang membawa Christopher Columbus sampai ke benua Amerika atas dorongan mencari 'Dunia Baru', teretusnya 'Enlightenment' dan 'Renaissance' serta Revolusi Industri, nilai-nilai utama yang mendorong mereka mencapai satu demi satu kejayaan dalam bidang keusahawanan, rekacipta dan inovasi di dorong oleh nilai-nilai yang terkandung di dalam 'The Protestant Ethics and the Spirit of Capitalism'¹.

Nilai-nilai dan falsafah kapitalisme ini termasuklah berkembangnya 'Victorian values' di England merupakan antara nilai-nilai penting yang membangunkan budaya keusahawanan di dalam masyarakat Barat, khususnya masyarakat Eropah sehingga membolehkan mereka menjadi kuasa-kuasa imperialis dan kolonialis yang sangat 'berjaya' dan berpengaruh sehingga berupaya membahagi-bahagikan negara-negara Asia, Afrika dan Amerika sesama mereka selama beberapa abad lamanya. Hal yang sama juga berlaku dalam Tamadun China lebih awal daripada itu dengan nilai-nilai 'Konfucionisme' dan Lao Tzu. Di Jepun, era 'Pemulihan Meiji' (Meiji Restoration) telah menyemarakkan kembali nilai-nilai tradisi Jepun seperti 'Bushido' sehingga Jepun Berjaya bangkit menjadi kuasa dunia dalam bidang ekonomi dan ketenteraan yang sangat berjaya. Perkara yang sama juga berlaku di dalam masyarakat Korea Selatan dengan konsep 'Saemaul Undong' .

¹ Lihat Max Weber , *The Protestant Ethics and the Spirit of Capitalism*, New York: 1958

Keusahawanan berjaya dibudayakan dan dimantapkan di dalam masyarakat tersebut menerusi nilai-nilai tertentu yang dikembangkan. Sebagai contoh, kebangkitan sesuatu bangsa amat berhubung rapat dengan ciri-ciri dan pembudayaan semangat keusahawanan yang dibangunkan dan inilah yang akan dapat melonjakkan martabat sesuatu bangsa dipersada dunia.

Justeru, saya ingin menghujahkan di sini bahawa membangunkan budaya keusahawanan di kalangan generasi baru umat Islam di Malaysia adalah merupakan suatu langkah dan prasyarat yang sangat penting bukan sahaja bagi membina kekuatan ummah di dalam bidang ekonomi dan perniagaan, tetapi bagi menjamin kemajuan bangsa dan negara dalam menghadapi cabaran di era dunia globalisasi masakini. Keusahawanan, dan peranan usahawan didalam kemajuan dan perkembangan ekonomi sesuatu bangsa dan negara itu tidak dapat dinafikan. Bagi sesebuah negara, kewujudan usahawan dan perniagaan merupakan elemen yang kritikal; khususnya di dalam ekonomi yang mana usahawan menyumbang dari segi menambah nilai ekonomi, mewujudkan peluang – peluang pekerjaan, meningkatkan kekayaan negara dan meransang pembangunan dan pertumbuhan di dalam segala bidang. Oleh itu, amat jelas bagi kita yang keusahawanan dan penerapan nilai – nilai keusahawanan di dalam sesuatu masyarakat itu adalah tonggak kepada kejayaan sesebuah negara. Bagi membolehkan ini di laksanakan, maka sistem pendidikan nasional dan keagamaan mestilah dimanfaatkan sepenuhnya. Untuk itu kita harus memiliki suatu gagasan dan halatuju yang jelas apa yang ingin capai dan apakah sasaran sebenar kita? Dalam masa yang sama, kita juga harus sedar dan peka dengan cabaran-cabaran yang terpaksa di hadapi dalam merealisasikan hasrat ini.

Cabaran dan halangan yang perlu ditempuhi itu bukan sahaja pelbagai malahan kadangkala begitu kompleks sekali. Seringkali ianya begitu sukar dan berliku-liku serta sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa. Untuk menghadapinya secara tuntas, maka kita mesti berupaya melengkapkan diri dengan semua kemahiran dan ketrampilan yang diperlukan. Kesemua ini menuntut kepada penguasaan ilmu dalam bidang keusahawanan dan perniagaan di kalangan generasi baru kita. Hanya apabila generasi baru kita berjaya menyerap semua ilmu mengenai keusahawanan dan perniagaan yang diperlukan itu secara berkesan baharulah kita dapat membangun dan memantapkan budaya keusahawanan di dalam masyarakat Islam di negara ini untuk memacu kejayaan ummah dalam perniagaan dan penguasaan ekonomi. Di sinilah terletaknya peranan sistem pendidikan dalam sesebuah negara. Sistem pendidikan nasional dan juga pendidikan keagamaan mesti berupaya menampung keperluan ini. Modal insan yang dibangunkan oleh sesebuah sistem pendidikan seharusnya berupaya memajukan nilai-nilai keusahawanan dan perniagaan di kalangan generasi baru umat Islam jika sekiranya kita ingin mengubah budaya yang wujud di dalam masyarakat kita.

2.0 Program & Dasar Pembangunan

Selepas era DEB tamat, Dasar Pembangunan Negara serta Visi Nasional turut memberi penekanan yang tinggi kepada pembangunan bidang keusahawanan negara. Kerajaan tidak hanya memberi galakan terhadap pembangunan keusahawanan malah turut memberi pengiktirafan kepada keusahawanan. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi selanjutnya telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 yang berperanan khusus sebagai agensi utama bagi membangunkan golongan usahawan khususnya dikalangan kaum

bumiputera. Objektif utama penubuhan kementerian itu adalah untuk menyediakan persekitaran dan mekanisma yang dapat membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya maju dan boleh bersaing diperingkat tempatan dan antarabangsa.

Agensi lain yang terlibat dalam member latihan kepada para usahawan termasuk MARDI, MARA, NPC, SIRIM, MIDA, MIDF, dll. Selain itu program pembangunan vendor dan pembangunan francais juga turut di bangunkan. Tumpuan diberikan kepada golongan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera serta member peluang kepada mereka meluaskan perniagaan. Bagi meningkatkan lagi kemajuan keusahawanan dikalangan bumiputera, Perbadanan Kemajuan IKS (SMIDEC) telah ditubuhkan yang bertujuan khusus untuk membangunkan aktiviti perniagaan IKS di bawah Pelan Perusahaan Baru.

3. Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana(IKS)

Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang pelbagai dan kompetitif merupakan tunjang utama dalam mencapai pertumbuhan ekonomi yang stabil. IKS memainkan peranan yang penting dalam proses pertumbuhan ekonomi serta dalam keseluruhan rangkaian pengeluaran sesebuah negara. Berdasarkan bancian ke atas Pertumbuhan-pertumbuhan dan Industri 2005, terdapat kira-kira 552, 849 buah syarikat yang terlibat dalam bidang operasi dan 548, 307 (99.2%) daripadanya adalah dari kumpulan industri kecil dan sederhana (IKS). Dari segi sumbangan terhadap ekonomi negara, IKS telah mencatatkan 39% sumbangan terhadap GDP, 56.4% jumlah tenaga kerja, dan 19%

daripada jumlah keseluruhan eksport negara. Di samping itu, IKS juga turut mengekalkan 15.6 juta pekerja dalam industri tersebut.

Daripada jumlah ini, 474, 706 daripada mereka adalah dalam sektor perkhidmatan (86.6%), diikuti sektor pembuatan sebanyak 39, 376 orang (7.2%), dan 34, 225 orang (6.2%) dikekalkan dalam sektor pertanian. Kebanyakan syarikat yang terlibat dalam IKS bagi sektor perkhidmatan adalah dari kalangan peniaga-peniaga runcit (46.4%), diikuti pengusaha-pengusaha restoran (14.2%), pasaraya (9.1%), perhubungan dan pengangkutan (6.5%), dan perantara kewangan (4.1%). Bagi sektor pembuatan, sektor tekstil dan pakaian mencatatkan peratusan terbesar dengan catatan sebanyak 23.4%, diikuti sektor makanan dan minuman (15%), logam dan produk logam (13%), serta sektor kertas dan media merekod (7.2%). Kebanyakan syarikat-syarikat IKS dalam sektor pertanian utama terlibat dalam aktiviti tanaman, pertumbuhan pasaran dan hortikultur (65.6%), diikuti sektor perikanan (20.8%) dan sektor perladangan (7.0%). Walaupun bilangan syarikat-syarikat IKS tidak begitu memberansangkan, kumpulan-kumpulan ini tetap berpotensi dalam menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi dan juga sebagai asas utama bagi pertumbuhan industri-industri baru di samping mengukuhkan lagi industri yang sedia ada.

IKS tempatan juga digalakkan untuk memberi penekanan terhadap inovasi produk, penjenamaan dan teknologi-teknologi baru dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi persaingan di pasaran global. Justru, IKS negara khasnya bumiputera tidak lagi boleh bergantung secara berterusan untuk menjadi pembekal kepada syarikat-syarikat besar sebaliknya perlu mula berdiri dalam perniagaan.

4. Membantu Pembangunan IKS di Bawah RMK9 (2006-2010)

Menyumbang lebih daripada 99% daripada jumlah penubuhan perniagaan di Malaysia, dengan jelas dalam usaha meningkatkan sektor IKS yang berdaya maju sebagai langkah penting negara ke arah meningkatkan pertumbuhan dan mengekalkan momentum pertumbuhan. Ini dapat dilihat dalam agenda pembangunan semasa iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), 2006-2010 dan IMP3, selari dengan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), 2006-2010 dan IMP2.

Sepanjang RMK9, polisis utama IKS merupakan pembangunan yang kompetitif, inovatif dan berdaya teknologi yang mana membolehkan terlibat dalam ekonomi tempatan dan bersaing secara global. Strategi akan menjurus kepada pemerolehan teknologi untuk meningkatkan nilai rangkaian dalam sektor pembangunan, pertanian dan perkhidmatan. Ianya merangkumi:

Outsourcing

Program akan dilaksanakan bagi membentuk IKS sebagai rakan kongsi kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan kepada organisasi besar (R&D). Ia termasuk usaha sama dengan pihak multinasional (MNCs), syarikat rangkaian kerajaan (GLCs) di mana IKS akan membantu di dalam bidang pemindahan teknologi, pembangunan kemahiran dan juga pemasaran.

Rangkaian antara Firma

Membentuk rangkaian perniagaan antara IKS, GLCs, MNCs akan membolehkan IKS untuk menjadi lebih kompetitif dan menjadi boleh dipercayai untuk meningkatkan jaringan dan kerjasama global bagi tujuan mengembangkan perdagangan Malaysia dengan pasaran eksport baru.

Kemahiran pengetahuan

Secara jelas usaha untuk meningkatkan kemahiran pengetahuan umum dan teknikal kalangan IKS terutama bagi meningkatkan keupayaan inovasi inovasi dan membentuk nilai ekonomi daripada aplikasi pengetahuan telah digariskan dengan jelas didalam IMP3 (2006-2015). Keutamaan dalam membangunkan IKS telah diberikan penekanan khusus di dalam IMP3 itu. Berdasarkan Pelan Induk (blue print) 15 tahun yang selari dengan rangka RM9, ianya telah menggariskan lima strategi yang jelas bagi menyokong pembangunan IKS yang kompetitif dan pelbagai. Lima strategi yang berkenaan termasuk:

- Competitive Edge: Integrasi dan Rationalisasi
- Sempadan Luaran – Persediaan dan Persiapan dalam Arena Global
- ICT – Rakan bukan ancaman
- Rangka Kerja yang Menyokong dan Bersepadu – Menyokong Potensi yang Menyerlah
- Mengkukuhkan Sektor perkhidmatan – ke arahPembangunan di bidang.

Dengan peningkatan jumlah pengalihan sumber yang digariskan dalam 9MP dan IMP3, pihak kerajaan telah menunjukkan komitmen yang padu terhadap pembangunan IKS yang kompetitif dan efisien seiring dengan perkembangan negara yang berhasrat untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

5. Pencapaian Dalam RMK8 (2001-2005)

Dalam RMK8, kerajaan telah memperkenalkan satu program sokongan secara meluas bagi IKS untuk menjadikan mereka kukuh dan berdaya saing. Penekanan itu termasuk:

- Pemberian bantuan melalui SMIDEC bagi membantu IKS untuk memasuki pasaran eksport;
- Pembentukan BCIC yang tertumpu kepada keusahawanan, pengurusan dan pembangunan kebolehan teknikal;
- Melahirkan IKS berasaskan ICT dengan membantu ICT tempatan dan IKS multimedia khususnya kepada syarikat baru dan;
- Membuka peluang IKS kepada punca-punca bantuan kewangan melalui pelbagai skim yang dilancarkan oleh kerajaan, Bank Negara Malaysia, dan institusi perbankan lain.

6. Strategi di bawah IMP2, 1996-2005

Usaha untuk mengukuhkan IKS juga terkandung di dalam rancangan IMP2, di mana pembangunan IKS memerlukan perubahan besar dalam sektor pengeluaran memandangkan IKS menyumbang lebih 90 peratus daripada sektor pembuatan negara. Program IMP2 dibentuk untuk membangunkan sektor pembuatan Negara yang kuat serta berdaya saing khususnya diperingkat global. Penekanan diberikan bagi membantu pengeluar menyesuaikan diri bagi menghadapi perubahan persekitaran global. Bantuan juga diberikan supaya mereka mempunyai daya siang dalam setiap aspek. Usaha turut dibuat secara terus dalam rangkaian jaringan bagi meningkatkan ekonomi secara efektif. Pembangunan barang keluaran negara juga digalakkan khususnya dengan menggunakan teknologi dan kemudahan ICT.

7. Majlis Pembangunan IKS Negara (The National SME Development Council)

Untuk meningkatkan dan mempromosi aktiviti IKS, *National SME Development Council* yang diketuai oleh Perdana Menteri telah ditubuhkan pada 2004. Majlis itu bertujuan untuk menggembeling antara agensi-agensi dan kementerian dalam pembangunan IKS. Ia juga berperanan untuk menyediakan kerangka polisi yang strategic bagi industri untuk terus maju ke hadapan. Usaha turut dibuat bagi memperkuatkan kebolehan infrastruktur untuk pembangunan IKS, membina keupayaan dan kapasiti untuk berdaya saing dan meningkatkan punca-punca kewangan bagi IKS. Pada 2006, sejumlah 246 program melibatkan komitmen kewangan melebihi USD 1 billion telah dikenal pasti bagi memacu pembangunan IKS dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan. Sebanyak 12 Kementerian dan 28 Agensi sokongan telah diwujudkan bagi menyokong program pembangunan IKS negara. Setiap agensi berkenaan telah ditanggungjawabkan dengan objektif pembangunan tertentu bagi tujuan-tujuan kumpulan sasaran tertentu. Bagi tujuan meningkatkan sumbangan IKS kepada ekonomi, langkah-langkah pembangunan IKS bertujuan bagi perkara-perkara berikut telah dilaksanakan;

- Meningkatkan infrastruktur bagi pembangunan IKS.
- Meningkatkan keupayaan IKS tempatan.
- Meningkatkan peluang bantuan kewangan kepada IKS.

Bagi menyokong pembangunan IKS, kerajaan juga telah mengadakan program yang komprehensif melalui kementerian dan agensi yang secara umumnya dibahagikan kepada bentuk bantuan kewangan dan perkhidmatan sokongan perniagaan. Jenis-jenis bantuan kewangan dan tujuan business support services adalah seperti berikut;

Jenis-jenis bantuan kewangan;

- Pinjaman mudah
- Dana
- Equity Financing
- Venture Capital
- Guarantee Scheme
- Tax Incentives

Bagi tujuan khidmat sokongan perniagaan pula, ianya adalah berbentuk:

- Latihan kemahiran tenaga kerja
- Pembangunan Keusahawanan.
- Promosi dan pemasaran
- Pembangunan produk dan kualiti akreditasi.
- Pembangunan teknologi
- Penstrukturan semula hutang (debt restructuring)

8. Bantuan Kewangan Awam

Kementerian

- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- Kementerian sains, Teknologi dan Inovasi

Agensi

- Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BKRMB)

- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)
- Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
- Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Berhad (SME Bank)
- Commerce Asset Ventures Sdn. Bhd.
- Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)
- ERF Sdn Bhd (ERF)
- Export-Import Bank Malaysia Berhad (EXIM Bank)
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Malaysian Biotechnology Corporation Bhd (MBC)
- Malaysian Debt Venture Berhad (MDV)
- Malaysian External Trade Development Corporation (MATRADE)
- Malaysian Industrial Development Authority (MIDA)
- Malaysian technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC)
- Malaysian Timber Industry Board (MTIB)
- Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP)
- Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)
- Mayban Ventures Sdn Bhd
- MIMOS Berhad
- Multimedia Development Corporation (MDeC)
- Perbadanan Nasional Berhad (PNS)
- Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC)

- Yayasan Tekun Nasional (YTN)

9. Proses Pembudayaan Keusahawanan Melalui Dasar Pendidikan Nasional dan Sistem Pendidikan Negara

Perlu ditekankan bahawa proses pembudayaan keusahawanan merupakan satu proses jangka panjang dan berterusan bagi menarik minat semua lapisan masyarakat untuk menceburi bidang perniagaan. Di negara kita proses pembudayaan keusahawanan telah menjadi satu tumpuan utama dan ianya telah dimulakan dengan melibatkan golongan pelajar di peringkat sekolah rendah, menengah, pelajar di institusi pengajian tinggi malahan juga masyarakat umum.

Memandangkan betapa pentingnya bidang keusahawanan ini dan juga selaras dengan matlamat kerajaan yang berhasrat menyusun semula masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, maka kerajaan telah merangka strategi untuk membentuk budaya usahawan yang lebih berkesan dan berstruktur. Pembudayaan keusahawanan ini dapat dibahagikan kepada program yang berbentuk secara langsung atau tidak langsung dan dijalankan oleh pelbagai pihak. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Program Pembudayaan Keusahawanan melalui kurikulum sekolah. Beberapa sukatan pelajaran berkaitan dengan keusahawanan seperti Prinsip Akaun, Perdagangan, Pengajian Perniagaan, Kemahiran Hidup, Matapelajaran Vokasional, Ekonomi Asas, Ekonomi Rumahtangga, dan sebagainya telah dibentuk untuk tujuan berkenaan. Manakala aktiviti yang berbentuk ko-kurikulum pula, aktiviti-aktiviti seperti Usahawan Muda, Pengusaha Muda Malaysia, Pengusaha Muda ESSO, Program Tunas Bestari dan Koperasi telah dijalankan.

Di dalam Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Tinggi Negara yang telah disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, kerajaan berhasrat melihat institusi pengajian tinggi negara memainkan peranan penting merangsang perubahan negara ke arah K-ekonomi atau ekonomi berasaskan pengetahuan. Dalam konteks ini, ekonomi kita haruslah berasaskan kepada inovasi dan bukan lagi berasaskan pelaburan modal semata-mata. Inovasi adalah merupakan salah satu ciri penting keusahawanan. Hanya dengan pengetahuan dan inovasi Malaysia mampu bersaing dan berjaya di arena antarabangsa. Justeru, corak tenaga kerja atau modal insan yang kita lahirkan perlulah memiliki ciri-ciri ini dan bersedia pula menghadapi realiti baru ini.

Dalam erti kata yang lain, system pendidikan kita perlu lah mampu dan berupaya menyemai dan mengembangkan nilai-nilai keusahawanan tulin supaya tenaga kerja kita tidak lagi cenderung untuk kerja makan gaji semata-mata sebaliknya memilih makan gaji sebagai pilihan terakhir mereka. Para graduan daripada etnik Cina telah memiliki nilai ini dengan agak teguh. Mereka tidak suka makan gaji, bukan sahaja kerana ianya memberikan pulangan kewangan yang relatifnya kecil, tetapi juga mungkin kerana mereka mahu bebas dan tidak terikat dan dapat melakukan beberapa pekerjaan pada sesuatu masa bagi menambah pendapatan.

10. Kesimpulan - Menghadapi Cabaran Memupuk Budaya Keusahawanan

Cabaran yang merintanginya kita dalam menjaya visi dan misi keusahawanan ini bukan sedikit, sebaliknya ia sangat berliku-liku dan mungkin tidak pernah habis. Saya melihat kita perlu berdepan dengan sekurang-kurangnya empat cabaran utama berikut:-

1. Menyediakan usahawan tulin Bumiputera yang tahan lasak dan membantu mereka berdasarkan meritokrasi- Penerusan bantuan dan sokongan kepada usahawan bumiputera dan penyediaan peluang kepada mereka mestilah dilaksanakan berdasarkan merit. Ertinya hanya usahawan tulin dan mereka yang benar-benar berupaya melaksanakan sesuatu projek perniagaan dan peluang ekonomi sahaja yang diberikan peluang yang disediakan oleh kerajaan. Pemberian peluang seharusnya bukan berdasarkan politik naungan. Pemberian peluang dan ransangan niaga haruslah melahirkan usahawan dan ahli perniagaan berjaya di kalangan orang Melayu dan Bumiputra yang seterusnya menjana lebih ramai usahawan melalui rantaian perniagaan dan kerjasama; bukan sekadar menjadi hanya sebagai penerima “subsidi” dari kerajaan tanpa ada sebarang penambahan nilai kepada kemajuan masyarakat dan ekonomi negara. Inilah cabaran penting pertama yang perlu di hadapi. Pastinya terdapat pihak-pihak yang tidak menyenangi perkara ini kerana mereka sudah biasa dengan system “yang penting bukan apa yang anda tahu, tetapi siapa yang anda kenal (what you know is not so important, but who you know is more important!)”. Apakah kita mempunyai iltizam dan kesediaan yang cukup untuk melaksanakan ini? Kepada saya kita tiada pilihan. Kalau kita tidak mahu dasar-dasar kerajaan membantu usahawan bumiputera terus dikritik, maka pilihan kita ialah mengamalkan meritokrasi di kalangan orang Melayu dan Bumiputera yang menjadi usahawan.
2. Mengembling peranan pelbagai agensi kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)- Peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi kerajaan dan GLC seharusnya

digembelingkan secara berkesan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk usahawan Bumiputera berjaya. GLC jangan sesekali menjadi pesaing pula kepada usahawan Bumiputera. Mereka haruslah melengkapkan dan terus menyediakan peluang-peluang dan sokongan yang diperlukan untuk Bumiputera mencari pengalaman, membina keyakinan dalam perniagaan dan mendapat khidmat nasihat dan peluang-peluang untuk maju dan meluaskan lagi rangkaian usahawan Bumiputera. Cabaran ini mesti dihadapi dengan berkesan dan konsisten demi kesinambungan hayat usahawan tulin Bumiputera.

3. Menyediakan mekanisme yang dapat memperteguhkan rangkaian sokongan kepada usahawan bumiputera- Hanya dengan sistem sokongan dan ‘networking’ yang berkesan sahaja Bumiputera dapat berjaya dipentas global. Tanpa system rangkaian yang berkesan usahawan buliputera sukar untuk berjaya di dalam era globalisasi yang sangat menacabar ini. Proses dan mekanisme ini diwujudkan memerlukan banyak kesabaran dan keyakinan untuk ianya berjaya.
4. Untuk menjayakan pembudayaan serta implementasi konsep keusahawanan dan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB), pelbagai dasar, bantuan serta persekitaran kondusif telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk merealisasikan usaha murni ini. Akan tetapi, segala usaha ini akan gagal sekiranya tiada perubahan sikap dan pemikiran di kalangan umat Islam dan orang Melayu itu sendiri dari segi perlaksanaan dan pembangunan perniagaan dan keusahawanan. Masyarakat Islam dan Bumiputra Melayu seharusnya menyedari yang penyediaan peluang – peluang dan dasar untuk mempergiatkan keusahawanan adalah bertujuan untuk memberi dan menerapkan pendedahan, pengalaman dan ilmu keusahawanan

kepada kaum Bumiputra dan orang Melayu. Oleh itu, peluang yang disediakan ini harus direbut dan dipergunakan sepenuhnya. Orang Melayu tidak seharusnya berpuas hati sekadar menjadi “teman kongsi tidur” (sleeping partner) tanpa mendalami ilmu dan menimba pengalaman menjalankan perniagaan. Oleh itu, adalah menjadi suatu cabaran yang untuk mengubah mentaliti dan sikap yang negatif ini. Saya percaya, hanya melalui pembudayaan nilai – nilai keusahawanan dan pelaksanaan dasar – dasar dan semangat yang menjurus ke arah pembudayaan keusahawanan di kalangan orang Melayu; maka dapatlah kita menyaksikan perubahan, peningkatan dan perkembangan di dalam kekuatan ekonomi umat Islam di Malaysia.

Marilah kita berdoa dan bertawakal kepada Allah semoga kita berjaya melaksanakan visi dan misi murni ini demi membina kekuatan ummah dalam bidang ekonomi agar martabat umat Islam dapat diangkat dan dibela dan tidak lagi perkotak-katikan serta dipersendakan lagi oleh sesiapa jua. Amin.

Rujukan

- | | |
|-------------------------------|---|
| Stiglitz, Joseph (2006) | <i>Making Globalization Works</i> , New York: |
| Weber, Max (1958)
New York | <i>The Protestant Ethics and the Spirit of Capitalism</i> , |